

## **FAKTOR-FAKTOR PENTAFDILAN ANTARA QIRA'AT MUTAWATIRAH**

**Sabri Mohamad**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor

**Mohd Faizulamri Mohd Saad**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor

**Hamdi Ishak**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor

**Haziyah Hussin**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor

*Corresponding Author's Email: sabri\_m@ukm.edu.my*

### ***Article history:***

*Received : 3 March 2022*

*Accepted : 17 October 2022*

*Published : 27 December 2022*

### **ABSTRAK**

Isu melebihkan atau mentafdilkan antara sesama Qira'at Mutawatirah telah menjadi topik yang hangat di kalangan ulama. Bagi golongan yang mentafdilkannya walaupun bermacam istilah yang digunakan seperti dengan istilah lebih kuat, lebih rajih, lebih baik dan bermacam lagi, namun semuanya menunjukkan kepada adanya gerakan 'melebihkan' antara sesama Qira'at Mutawatirah. Justeru itu kertas ini akan membahaskan dan mengenal pasti apakah faktor-faktor atau sebab-sebab yang mendorong sesetengah ilmuan Islam mentafdilkan antara pelbagai wajah bacaan Qira'at Mutawatirah. Artikel ini juga turut mengemukakan secara ringkas pandangan beberapa kelompok ulama Islam terhadap isu 'melebihkan' ini. Pendekatan penghasilan kertas ini ialah melalui kajian kepustakaan yang akan mengumpul semua maklumat yang berkaitan dengan faktor-faktor pentafdilkan dan akan di analisa secara kritis. Hasil penulisan menunjukkan ada sembilan faktor yang mendorong sebilangan ulama melebihkan atau mentafdilkan antara sesama wajah Qira'at Mutawatirah.

**Kata kunci:** Qira'at Mutawatirah, Pentafdilkan

## ***FACTORS OF ADVANCEMENT BETWEEN QIRA'AT MUTAWATIRAH***

### **ABSTRACT**

*The issue of exaggerating or exaggerating between Qira'at Mutawatirah has become a hot topic among scholars. For the group that appreciates it, even though various terms are used such as stronger, more greedy, better and various other terms, but all of them point to the existence of a 'exaggerating' movement among fellow Qira'at Mutawatirah. Therefore, this paper will debate and identify what are the factors or reasons that prompt some Islamic scholars to choose between the various faces of reciting Qira'at Mutawatirah. This article also briefly presents the views of several groups of Islamic scholars on the issue of 'exaggeration'. The approach of producing this paper is through a literature review that will collect all information related to the factors of pentafdilan and will be analyzed critically. The results of the writing show that there are nine factors that encourage a number of scholars to exaggerate or underestimate the face of Qira'at Mutawatirah.*

**Keywords:** *Qira'at Mutawatirah, Priority or advancement*

### **PENDAHULUAN**

Kertas ini akan membincangkan sebab-sebab berlakunya pentafdilan antara sesama *Qira'at Mutawatirah* di kalangan sesetengah ulama. Isu ini sangat sensitif kerana ia berkait dengan al-Quran al-Karim dan boleh membawa kepada keraguan terhadap *Qira'at Mutawatirah* menurut pandangan ulama yang menegah mentafdilkan jenis *qira'at* ini. Setiap sebab pertafdilan tersebut akan dibicarakan secara bercontoh. Perbincangan secara ringkas tentang reaksi ulama terhadap isu *tafdil* antara *Qira'at Mutawatirah* juga akan diketengahkan di penghujung kertas ini.

### **ISU TAFDIL *QIRA'AT MUTAWATIRAH* DI KALANGAN ULAMA**

Isu ini telah menjadi perbincangan di kalangan ulama dahulu dan kini. Terdapat segelintir ulama yang mentafdilkan antara *Qira'at Mutawatirah* dengan menggunakan pelbagai istilah dan cara, antaranya dengan istilah lebih kuat, lebih rajih, lebih baik dan bermacam lagi.

Antara nama-nama yang mengambil pendekatan mentafdilkan antara *Qira'at Mutawatirah* ialah, Imam al-Tabari, al-Qurtubi, Ibn Juziy al-Kalbi dan Makki al-Qaysi. Terdapat juga pendapat yang mengatakan Imam Malik dan Imam Ahmad yang turut mengeluarkan kenyataan yang menunjukkan mereka berdua mentafdilkan antara *qira'at*.

## MAKSUD AL-TAFDIL DAN QIRA'AT

Yang dimaksudkan dengan *al-Tafdil* di sini ialah: Suatu perbandingan yang dilakukan di antara dua *qira'at* atau lebih dengan tujuan untuk menghukumkan salah satu *qira'at* yang dibandingkan tersebut lebih menonjol atau mempunyai kelebihan berbanding dengan *qira'at* lain (Dr Fadl 2008).

Maksud Ilmu *Qira'at* ialah suatu ilmu yang diketahui dengannya tatacara pembacaan kalimah-kalimah al-Quran dan cara mempraktikkannya samaada yang disepakati atau yang diperselisihkan yang disandarkan setiap wajah bacaannya kepada pembawanya (al-Qadi 1985).

Manakala maksud *qira'at* sebagai suatu ilmu yang telah didokumentasikan ialah: Himpunan permasalahan-permasalahan yang berkait dengan perbezaan para penukil Kitab Allah Taala dalam hal-hal *hadhf*, *ithbat*, *tahrik*, *iskan*, *fasl*, *wasl* dan lain-lain yang termasuk dalam kategori pertuturan dan ibdal melalui pendengaran (Bazamul 1996).

Yang dimaksudkan oleh penulis tentang perkataan *tafdil* di sini ialah amalan sesetengah ulama yang melebihkan sesetengah *Qira'at Mutawatirah* ke atas *Qira'at Mutawatirah* yang lain.

### Pertama: Bersamaan Dengan *Rasm Al-Mushaf*

Antara sebab atau faktor yang paling penting dalam isu mentafdilkan *qira'at* ialah bertepatan salah satu *qira'at* dengan kaedah penulisan *rasm mushaf* dan *qira'at* satu lagi bersalahan dengannya/tidak bertepatan dengan *rasm al-Mushaf*. Bertepatan tersebut disyaratkan dengan semua *Masahif 'Uthmaniyyah*.

Antara contohnya ialah, pada firman Allah Taala [Yusuf: 82]:

وَسَلِّ الْفَرِيَّةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا وَالْعَيْرَ الَّتِي أَقْبَلْنَا فِيهَا وَإِنَّا  
لَصَادِقُونَ

Pada perkataan (وَسَلِّ) dibaca dengan *naql* (وسل) oleh Imam Ibn Kathir, al-Kisa'i dan Khalaf al-'Ashir. Manakala baki *qurra'* lain membacanya dengan hamzah (وَسَلِّ) (Abu Shamah 1413).

Berkata al-Farra' ketika mengulas *qira'at* Imam Hamzah pada (وَسَلِّ) dan (فَسَلِّ):<sup>9</sup> Aku tidak berminat dengan *qira'at* ini, kerana jika kalimah tersebut ada huruf hamzah maka ia perlu ditulis dengan huruf alif seperti para penulis menulis pada (فَأَصْرَبَ لَهُمْ طَرِيقًا) Taha: 77 (al-Farra' t.t).

Dalam semua *masahif* yang diutuskan oleh Saidina 'Uthman r.a ke pelbagai wilayah Islam di kala itu ditulis tanpa alif dan telah disepakati oleh ulama *rasm al-Quran* (al-Dani 1983).

<sup>9</sup> Beliau hanya menyandar kepada Imam Hamzah sahaja sedangkan ramai lagi yang membaca seperti nya.

Kenyataan di atas menyangkakan bacaan majoriti qurra' bersalahan dengan rasm mushaf dan bertepatan rasm dengan salah satu mushaf adalah salah satu syarat penerimaan *qira'at*. Dakwaan ini ditolak kerana ketidaksamaan ini menurut Ibn al-Jazari adalah termasuk dalam ketegori yang dimaafkan (Ibn al-Jazari t.t). Lebih-lebih lagi toriq praktikalnya banyak yang terkadang turuqnya mencecah lebih 10 turuq.

### **Kedua: Wajah Qira'at Terdapat Dalam Kebanyakan Masahif**

Sebab yang selanjutnya di sisi ulama yang mentafdilkan antara *qira'at mutawatirah* ialah kerana sesuatu wajah bacaan terdapat dalam kebanyakan *masahif 'uthmaniyyah* yang diagihkan keseluruh wilayah Islam di kala itu dan *qira'at* satu lagi hanya terdapat dalam satu mushaf sahaja. Contohnya [al-Anbiya': 30]:

أَوْ لَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ أَنَّ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ كَانَتْما رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا

Ibn Kathir bersendirian membaca dengan membuang huruf waw pada ( أَوْ ) dan baki qurra' lain membacanya dengan *ithbat* huruf waw. Ulama rasm sepakat untuk membuang huruf waw dalam mushaf penduduk Makkah pada kalimah tersebut. Manakala dalam semua mushaf lain ditulis rasmnya dengan mengekalkan huruf waw (al-Dani 1983).

Oleh kerana wajah qira'at ini ditulis dengan *ithbat waw* dalam kebanyakan mushaf maka al-Tabari (1421) mentafdilkan wajah bacaan ini.

### **Ketiga: Mengikut Cara Bacaan Majoriti Qurra'**

Antara sebab terdapat sebahagian ulama yang melakukan *tafdil* antara *qira'at* juga ialah dengan alasan mengikut bacaan kebanyakan qurra'. Sebab dan alasan tersebut tanpa melihat kepada faktor makna atau bahasa, bahkan hanya melihat kepada jumlah bilangan qurra' yang membacanya. Contohnya ayat dalam surah al-Ma'idah: 107:

(فَإِنْ عَثَرَ عَلَى أَنَّهُمَا اسْتَحَقَّا إِثْمًا فَغَاخِرَانِ يُغْوَمَانِ مَقَامَهُمَا مِنَ الَّذِينَ اسْتَحَقَّ عَلَيْهِمُ الْأَوْلَئِينَ...)

Hafs berseorangan membaca dengan fath huruf ta' dan ha' pada kalimah (اسْتَحَقَّ) dan baki qurra' lain dengan dommah ta' dan kasrah ha' (al-Qadi 1425).

Imam al-Tabari memilih dengan dommah ta' dan kasrah ha' sebagai *bina' al-Majhul*. Beliau menyatakan cara bacaan tersebut paling betul kerana ia meraih ijmak qurra', manakala qira'at selainnya tak dapat dipertahankan kesahihannya (Al-Tabari 1421). Maka jelas di sini bahawa asas pentarjihan dan pentafdilan *qira'at* adalah berdasarkan kepada bilangan pembacanya daripada para qurra', bukan alasan makna atau bahasa.

### Keempat: Mengikuti Qira'at Ahl Madinah Dan Makkah

Selanjutnya menjadi sandaran sesetengah kumpulan yang mentafdilkan *qira'at* ialah dengan menjadikan sesuatu *qira'at* mestilah bacaan penduduk Madinah dan Makkah. Alasannya kerana kedua-dua tempat tersebut adalah merupakan tempat penurunan wahyu, bumi risalah dan di dalam kedua-duanya terdapat sebahagian besar para sahabat r.a. Contohnya pada surah al-Baqarah: 10:

وَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ

Al-Kufiyyun membaca (يَكْذِبُونَ) dengan fath huruf ya', sukun huruf kaf dan takhfif huruf dhal. Manakala baki qurra' lain dengan dommah huruf ya', fath huruf kaf dan tashdid huruf dhal (Ibn al-Jazari t.t).

Antara sebab yang membuatkan Makki bin Abi Talib mentarjihkan *qira'at* dengan tashdid ialah kerana ia adalah bacaan/*qira'at* ahli Madinah dan Makkah. Kata beliau: Bacaan tashdid lebih kuat bagiku (Ibn Khalawayh 1413).

### Kelima: Sesuatu Qira'at Ada Penambahan Huruf

Sebab yang kelima ini agak berbeza dengan sebab-sebab lain kerana ia berkait dengan bilangan huruf dalam sesuatu *qira'at*. *Qira'at* akan menjadi semakin 'lebih' apabila ia lebih satu huruf atau banyak berbanding dengan *qira'at* satu lagi. Dengan penambahan huruf ini akan menyebabkan penambahan pahala bacaan sebagaimana yang telah dijanjikan dalam hadith dengan satu huruf al-Quran yang dibaca akan digandakan pahalanya dengan sepuluh kebaikan. Sabda Baginda S.A.W:

(مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى، فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَلِهَا،  
لَا أَقُولُ (الم) حَرْفٌ، وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ، وَلامٌ حَرْفٌ، وَمِيمٌ حَرْفٌ)  
أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ فِي سُنَنِهِ.

Maksudnya:

"Barangsiapa membaca satu huruf Al-Quran, maka dia mendapat pahala satu kebaikan sedangkan satu kebaikan dibalas sepuluh kali lipat. Aku tidak mengatakan Alif Lam Mim satu huruf, tetapi Alif, satu huruf dan Lam satu huruf serta Mim satu huruf." (dikeluarkan oleh al-Tirmidhi dalam sunannya)

Antara contoh bahagian ini ialah firman Allah Taala, al-Tawbah: 100:

(وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ ۖ بَاطِنًا فِيهَا أُغْرُسُ الْفُجَّارِ ۖ لِيَجْزِيَ عَنْهَا أَوْلِيَاءَ الَّذِينَ كَفَرُوا ۖ فِيهَا أَسَدٌ مُؤْتَسِلٌ ۖ يُرْتَضَىٰ ۖ وَمِنْ تَحْتِهَا أَنْهَارٌ ۖ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا...)

Ayat ini dibaca oleh Imam Ibn Kathir berseorangan dengan menambah (من تحتها) (Ibn Jazari t.t). Bacaan Ibn Kathir ini ada penambahan dua huruf berbanding dengan bacaan jumhur qurra'. Begitu juga pada surah al-Baqarah: 26:

(فَأَزَاهِمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ...)

Imam Hamzah bersendirian membaca ayat tersebut dengan (فَأَزَاهِمَا), dengan penambahan huruf alif dan baki qurra' lain pula membacanya dengan tanpa huruf alif dan sabdu huruf lam (Ibn al-Jazari t.t)

Berkata Ibn Muflih (1413): Jika sekiranya ada penambahan huruf pada sesuatu *qira'at*, seperti (فَأَزَاهِمَا)–(فَأَزَاهِمَا) dan (وَأَوْصَى)–(وَأَوْصَى) maka ia lebih utama kerana peningkatan pahalanya dengan sepuluh kebaikan. Telah warid daripada Imam Ahmad bin Hanbal yang tidak menyukai bacaan idgham oleh Hamzah<sup>10</sup> kerana cara bacaan ini akan menggugurkan huruf dan sekaligus menghilangkan pahala sepuluh kebaikan (Ibn Muflih 1413).

'Illah yang dikemukakan secara langsung menunjukkan kepada *tafdil qira'at* ke atas *qira'at* yang lain disebabkan bertambahnya pahala dan ganjaran melalui penambahan huruf (al-Qurtubi 1417).

### Keenam: *Qira'at* Yang Disokong Oleh Zahir Ayat Al-Quran

Setengah ulama yang mentafdilkan *qira'at* ke atas *qira'at* yang lain dengan sebab adanya *muwafaqah qira'at* tersebut dengan satu ayat lain atau ayat-ayat lain atau dengan ayat itu sendiri dari sudut lafaz. Contohnya firman Allah Taala dalam surah al-An'am, ayat: 57:

يُقْضَىٰ الْحَقُّ

Tempat ini dibaca oleh Madaniyyan, Ibn Kathir dan 'Asim dengan dommah huruf qaf dan dommah sod *mushaddadah*. Baki qurra' lain pula membacanya dengan sukun huruf qaf dan huruf dod *maksurah mukhaffafah* (يُقْضَىٰ) (Ibn al-Jazari t.t).

Imam al-Tabari sekali lagi bersama-sama dengan Ibn Juzayy al-Kalbi (ahli tafsir Andalus yang terkenal) mentarjihkan bacaan dengan huruf dod (يُقْضَىٰ). Berkata al-Tabari: Di sisi kami *qira'at* ini lebih *awla*. Bagi menyokong pendapat mereka berdua, mereka berdua berdalilkan dengan penghujung ayat tersebut (وَهُوَ خَيْرٌ الْفَاصِلِينَ). Berkata al-Tabari (1421): Sesungguhnya penyelesaian antara dua yang berkhilaf ialah dengan dengan *qada'* bukan dengan *qasas*.

Maka jelas kepada kita bagaimana pentafdilan antara dua *qira'at* berlaku dengan cara berpegang kepada zahir ayat itu sendiri.

<sup>10</sup> Di sini tidak mungkin dimaksudkan idgham yang sebagaimana diketahui, kerana Hamzah sedikit sahaja bacaan idghamnya. Ia mungkin bacaan naql.

## Ketujuh: Sokongan Dari Sunnah

Melebihkan sesuatu *qira'at* ke atas *qira'at* yang juga disebabkan adanya sokongan atau pernyataan dari Sunnah. Sunnah tersebut antaranya terdapat riwayat yang menjelaskan bahawa Nabi S.A.W pernah membaca dengan *qira'at* yang tertentu. Atau terdapat hadith yang menegaskan makna *qira'at* yang ditafdilkan tersebut. Sebagai contoh firman Allah Taala, al-A'raf: 143:

جَعَلَهُ دَكَاً

Imam Hamzah, al-Kisa'ii dan Khalaf al-'Ashir membaca dengan huruf hamzah maftuhah selepas huruf alif dan dibuang tanwin. Manakala baki qurra' lain membacanya dengan hadhf huruf hamzah dan dengan ithbat tanwin.<sup>11</sup>

Berdasarkan khilaf *qira'at* di atas al-Tabari (1421) telah memilih *qira'at* Imam Hamzah dan qurra' yang bersama-sama dengannya (دكاء), seraya berkata: Sungguhnya ia *qira'at* yang paling betul. Hujah pentarjihan beliau ialah dengan hadith Nabi S.A.W tentang kisah Tajalla Allah Taala (menzahirkan kebesarannya) kepada gunung dalam ayat 143, surah al-A'raf, maka (فساخ الجبل): maka telah lenyap/hilang gunung tersebut! (Al-Turmidhi t.t). Menurut al-Tabari (1421) lagi hadith tersebut menunjukkan kepada bacaan secara mad dan sekaligus ia juga tidak menunjukkan kepada makna gunung telah hancur dan menjadi tanah sebagaimana mengikut *qira'at* (دكا).

Imam Makki pula mentafdilkan *qira'at* (دكا) dengan menggunakan alasan yang sama dengan al-Tabari, iaitu adanya sokongan dari sunnah nabawiyah. Hujah beliau lagi ialah kerana Nabi S.A.W membaca dengan *qira'at* tersebut (Ibn Khalawayh 1413).

## Kelapan: Sokongan Makna Ayat

Penghujahan bahagian ini menjadikan *qira'at* yang ditafdilkan kerana maknanya lebih jelas dan lebih baligh berbanding *qira'at* yang satu lagi sekalipun makna semua *qira'at* jelas. Berkata al-Tabari: Harus memilih sesetengah *qira'at* ke atas sesetengah *qira'at* lain disebabkan *qira'at* yang dipilih tersebut lebih jelas maknanya, dengan adanya penambahan makna. Namun apabila semua makna *qira'at* berada pada tahap yang sama, tidak alasan untuk ditafdilkan antara satu dengan yang lain. Antara contohnya, firman Allah Taala dalam surah al 'Imran:" 161:

وَمَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يُغْلَ...<sup>١١</sup>

<sup>11</sup> Ibn al-Jazari, al-Nashr, juz. 2, hlm. 271.

Maksudnya: *Dan tidak mungkin seorang nabi berkhianat (dalam urusan harta rampasan perang)...*

Imam Ibn Kathir, Abu 'Amru dan 'Asim membaca dengan fath huruf ya' dan dommah huruf 'ghain. Manakala baki qurra' lain membaca dengan dommah huruf ya' dan fath ghain (Ibn al-Jazari t.t).

Al-Tabari (1421) menyebut, bacaan yang pertama dengan fath huruf ya' dan dommah huruf ghain lebih *awla* di sisinya. Alasan beliau ialah kerana ayat tersebut memberi ancaman kepada sesiapa yang melakukan khianat. Dengan makna ini ia menguatkan lagi penafian sifat khianat pada nabi-nabi a.s dan ia bukan akhlak mereka. Maka justeru itu ia menguatkan *qira'at* dengan fath huruf ya' dan dommah huruf ghain. Jika dikehendak dengan *qira'at* kedua, maka ancaman janji balasan buruk dalam ayat bersesuaian dengan maknanya.

Namun Makki berbeza dengan al-Tabari, apabila mentarjihkan *qira'at* yang tidak ditarjihkan oleh al-Tabari. Alasan Makki, *qira'at* yang beliau *tarjih* merupakan suatu penyucian dan penghormatan kepada Nabi S.A.W daripada disifatkan dengan sifat khianat oleh kaumnya, bahkan mereka yang menyifatkan sedemikianlah yang bersalah dan berdosa (Ibn Khalawayh 1413H).

### **Kesembilan: Faktor Sokongan Bahasa**

Sememangnya *Qira'at Mutawatirah* mempunyai pertalian yang amat utuh dengan Bahasa Arab. Bahkan Bahasa Arab sentiasa memperkuatkan dan menyokong setiap wujud *Qira'at Mutawatirah*. Jika diamati dengan sebaiknya, tidak akan dijumpai walau satu wajah *qira'at mutawatirah* pun yang bertentangan dengan mana-mana kaedah Bahasa Arab. Bahkan sebagaimana yang telah disepakati oleh semua, al-Quran adalah sumber kepada bahasa ini.

Bertepatan dengan Bahasa Arab juga adalah salah satu syarat yang dipersetujui oleh semua ulama sebagai salah satu syarat atau rukun penerimaan sesuatu *qira'at*. Namun melalui rukun ini, golongan yang mentafdilkan *Qira'at Mutawatirah* terkadang telah menjadikannya sebagai suatu sebab atau faktor untuk melebihkan sesuatu *qira'at* dengan *qira'at* yang lain.

Faktor bahasa ini terkadang berkait dengan isu asal sesuatu perkataan yang dikhilafkan dan strukturnya atau sebab faktor kefasihan lafaz dan kemasyhurannya atau faktor kekerapan pengulangannya atau dengan bahasa pentuturnya atau berkait dengan *i'rab* (Jar Allah 1429).

Sebagai contoh kepada faktor pentafdilan ini, lihat ayat ini (al-Nisa': 128):

(وَإِنْ أَمْرَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُورًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصَلِّحَا بَيْنَهُمَا صَلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا)

Maksudnya: *Dan jika seorang wanita khawatir akan nusyuz atau sikap tidak acuh dari suaminya, maka tidak mengapa bagi*



*keduanya mengadakan perdamaian yang sebenar-benarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka) walaupun manusia itu menurut tabiatnya kikir. Dan jika kamu bergaul dengan isterimu secara baik dan memelihara dirimu (dari nusyuz dan sikap tak acuh), maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.*

*Qurra' al-Kufiyyun* membaca perkataan (يُصَلِّحًا) dengan dommah huruf ya' dan kasrah lam tanpa huruf alif (sebagaimana yang tercatat). Manakala baki *qurra'* lain membaca dengan fath huruf ya' dan sod berserta sabdu dan huruf alif selepas huruf lam (يُصَالِحًا) (Ibn al-Jazari t.t)

Imam al-Tabari telah mentafdilkan *qira'at* yang kedua, kerana menurut beliau ia lebih menarik. Alasan beliau perkataan (التصالح) lebih masyhur, lebih jelas maknanya, lebih fasih dan lebih banyak digunakan oleh pentutur arab berbanding dengan (الإصلاح) (al-Tabari 1421). Imam Makki juga berpendapat cara bacaan ini lebih disukai oleh beliau, kerana menurut beliau perdamaian bagi sesuatu perbalahan lebih sesuai digunakan digunakan kalimah (التصالح) kerana kalimah ini sangat ma'ruf dalam percakapan Arab (al-Tha'labi 1422).

Penulis berpendapat semua faktor dan sebab pentafdilkan antara *Qira'at Mutawatirah* adalah bersifat ijtihad atau pendapat peribadi yang mewakili kumpulan masing-masing sahaja. Kalau ada pengangan kepada dalil atau hujah sekalipun bagi kumpulan-kumpulan yang melebihi *qira'at* ini seperti yang dikemukakan, ia hanyalah berpegang kepada hujah atau dalil yang tidak menunjukkan kepada pentafdilkan (seperti yang didakwa) secara *sorih* dan jelas. Suatu perkara yang lebih penting yang wajar diingatkan juga ialah bagaimana kita hendak 'melebihi' sesuatu *qira'at* yang realitinya bertaraf *mutawatirah* dan ianya adalah al-Quran? Dengan membiarkan *qira'at* yang sebegitu tarafnya ditafdilkan, berkemungkinan boleh mengundang kepada pelbagai fitnah lain terhadap kesucian Kalam Allah Taala.

## **RINGKASAN REAKSI ULAMA TERHADAP ISU TAFDIL QIRA'AT MUTAWATIRAH**

Isu *tafdil Qira'at Mutawatirah* di kalangan ulama terbahagi kepada dua kumpulan:

### **Kumpulan Membolehkan Tafdil**

Menurut Al-Marhum Dr Ahmad al-Bili, kumpulan ini sebenarnya adalah minoriti sahaja (al-Bili 1408). Antara mereka ialah Imam al-Tabari, al-Qurtubi, Ibn Juzi al-Kalbiyy, Makki al-Qaysi dan lain-lain. Kenyataan ini terbukti apabila ditekuni penulisan-penulisan para ulama tersebut. Sesetengah anggota kumpulan ini mensyaratkan pentafdilkan antara *qira'at* yang berlaku tersebut tidak membawa kepada menjatuhkan imej atau status mana-mana *Qira'at Mutawatirah* sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Imam al-Zarkashi (1412). Antara hujah kumpulan ini:

- a. *Tafdil qira'at* telah berlaku di kalangan salaf. Buktinya diriwayatkan dari 'Aishah r.a yang mengingkari bacaan *takfhhif dhal* pada kalimah (كُذِّبُوا) (Ibn al-Jazari t.t) dalam ayat (حَتَّىٰ إِذَا اسْتَيْسَرَ الرُّسُلُ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ قَدْ كُذِّبُوا) Yusuf: 110. Menurut beliau mustahil *qira'at* tersebut akan memberi makna ada keraguan para rasul terhadap Allah. Atas dasar tersebut beliau memilih bacaan dengan tashdid (Ibn Hajar 1421).
- b. Isu *tafdil* terdapat dalam rukun-rukun penerimaan *qira'at*, iaitu berbezanya hukum mutawatir sesuatu *qira'at* antara kumpulan ulama dan begitu juga isu bahasa *qira'at* antara yang lebih fasih dengan yang fasih. Menurut al-Tabari, *qira'ah* al-Quran dengan bahasa yang paling fasih lebih utama dan lebih berhak berbanding yang lain (al-Tabari 1421).
- c. *Tafdil* antara *qira'at* tidak mengurangkan kedudukan sesuatu *qira'at*, bahkan *tafdil* di sini bermaksud *tafdil* dari sudut makna *lughawi* atau makna *qira'ah*.
- d. Jika berlaku *tafdil* antara surah-surah al-Quran dan ayat-ayatnya, maka lebih utama berlaku *tafdil* antara *qira'at*.

### Kumpulan Melarang Tafdil

Sebahagian besar ulama dulu dan kini melarang melebihi sesuatu *qira'at* ke atas *qira'at* lain. Pembesar sahabat r.a, Tha'lab al-Nahwi, Abu Ja'far al-Nahhas, Abu Bakr bin Mahran, Imam Fakhruddin al-Razi (1420), Abu Hayyan (1411) dan ramai lagi termasuk ulama kontemporari yang semuanya melarang *tafdil* antara *Qira'at Mutawatirah*. Antara ungkapan mereka: *Qira'at Mutawatirah* semuanya betul, tiada salah satunya lebih utama dengan yang lain. Dalil kumpulan majoriti ini:

- a. Antara sebab besar yang menyebabkan Saydina 'Uthman r.a mengumpul semula al-Quran adalah kerana berlakunya isu *tafdil* antara *Qira'at Quraniyyah* di kalangan sesama orang Islam yang hampir menumpahkan darah. Ungkapan yang menunjukkan telah tercetusnya *tafdil* yang bahaya ini ialah: "Bacaanku lebih baik daripada bacaan kamu" (al-Sayuti 1398).
- b. Permuafakatan semua sahabat r.a terhadap tindakan Saydina 'Uthman r.a yang menunjukkan adanya ijmak sahabat r.a dan sekaligus membuktika *Qira'at Mutawatirah* bukan untuk dibanding-bandingkan atau dlebih-lebihkan, bahkan semuanya berada pada taraf yang sama (al-Bili 1408).
- c. *Qira'at Mutawatirah* sumbernya satu. Nabi SAW telah membacanya dan kemudiannya Baginda SAW membacakan kepada para sahabat r.a. Tidak pernah ada *tafdil* antara *qira'at* oleh Baginda SAW, maka kenapa kita nak tafdilkan? (al-Nahhas 1405)
- d. *Tafdil* antara *Qira'at Mutawatirah* sudah pasti akan menjatuhkan imej dan kredibiliti *qira'at* itu sendiri yang seterusnya lebih parah akan membawa kepada penolakan, keraguan dan pengingkaran terhadap *Qira'at Mutawatirah* yang ianya adalah al-Quran (Dr. Mahmud 1411).
- e. *Tafdil* antara *Qira'at Mutawatirah* juga bertentangan dengan *manhaj* Baginda SAW dan *manhaj* ulama salaf. Baginda SAW yang tidak pernah

mentafdilkan khilaf *qira'at* yang berlaku di kalangan sahabat r.a bahkan Baginda SAW mengatakan kedua-duanya betul. Jika *tafdil* antara *qira'at* telah berlaku di zaman Rasulullah SAW maka sudah pasti akan sampai kepada kita (al-Zarqani 2015).

- f. Ijtihad dalam isu *tafdil* antara *Qira'at Mutawatirah* adalah ijtihad yang ditegah dan dilarang oleh *shara'* dan tiada mana-mana nas pun yang mengizinkan.

## PERBINCANGAN RINGKAS TERHADAP KEDUA-DUA PENDAPAT

Jika diamati kepada kedua-dua pendapat di atas boleh dikatakan tujuannya sama untuk menjaga al-Quran dan menghindarinya dari apa jua kekurangan walaupun mempunyai pendekatan yang berbeza.

Yang menegah pentafdilan antara *Qira'at Mutawatirah* bertujuan untuk mengelakkan timbulnya tanggapan berlaku kekurangan pada sesuatu *qira'at* yang boleh membuka pintu prasangka yang tidak baik terhadap al-Quran secara umumnya dan kepada *qira'at* secara khususnya. Manakala niat yang membolehkan *tafdil* pula adalah untuk menzahirkan al-Quran dengan wajah yang terbaik melalui bacaan dan *lughah* yang terbaik (Jar Allah 1429).

Pendapat kumpulan yang membolehkan *tafdil* antara *qira'at mutawatirah* tertolak. Antaranya kerana:

- a. Pendapat yang mengatakan ia adalah madhhab salaf adalah tertolak kerana ia bukan mewakili semua dan bukan juga sebahagian besar ulama salaf dan tidak thabit dari Nabi SAW.
- b. Penukilan riwayat yang menunjukkan kepada *tafdil* adalah bertentangan dengan jumhur sahabar r.a.
- c. Periwiyatan yang menunjukkan kepada *tafdil* ditafsirkan dengan *karahah* 'berlebih-lebih' dalam pembacaan al-Quran. Jika sedemikian dia tidak dikira sebagai *tafdil* bahkan ia adalah penolakan yang bersungguh-sungguh agar al-Quran yang dibaca tidak terkeluar daripad piawaiannya yang telah digariskan, seperti cara sebutan huruf hamzah yang melampau (Ibn Rushd 1408).
- d. Manakala hujah kumpulan ini dengan hujah adanya *tafdil* antara surah al-Quran, ia adalah masalah *khilafiyah* di kalangan ulama.

Maka pendapat yang menolak *tafdil* antara *Qira'at Mutawatirah* lebih rajih kerana:

- a. Kekuatan dalil-dalil yang dikemukakan dan selaras dengan apa yang dilakukan oleh Nabi SAW ketika menyelesaikan khilaf bacaan *qira'at* antara sahabat r.a.
- b. Semua *Qira'at Mutawatirah* adalah al-Quran Kalam Allah Taala. Maka bagaimana mungkin kita 'lebih-lebihkan' satu-satu *qira'at* ke atas *qira'at* yang lain sedangkan ianya sama-sama al-Quran? Jika benar boleh ditafdilkan, mana dalilnya? Jika tidak sanggupkah kita membuka pintu yang suatu masa nanti sukar nak ditutup.

## KESIMPULAN

Hasil perbincangan jelas menunjukkan bahawa ulama yang mentafdilkan *Qira'at Mutawatirah* mempunyai pelbagai sebab dan faktor yang tersendiri untuk melakukan perkara tersebut. Golongan ini tidak ramai jumlahnya, namun pandangan mereka dibimbangi berkemungkinan boleh mempengaruhi yang lain. Atas apa alasan sekalipun, jika maksud mentafdilkan atau melebihkan antara *Qira'at Mutawatirah* membawa kepada menjatuhkan imej *qira'at* yang telah *mutawatir* yang thabit dari wahyu maka ia sesuatu yang wajib ditegah. Bagaimana kita boleh mengklasifikasikan dan memilih-milih antara *qira'at* yang sama tarafnya dan ia tidak pernah berlaku sebelumnya? Namun dengan sangka baik pentafdilan yang dilakukan oleh golongan ini adalah dengan niat tidak merendahkan martabat *qira'at* yang statusnya *mutawatirah*. Adalah tidak wajar jika golongan ini yang antaranya terdapatnya Ibn Jarir al-Tabari yang terkenal dengan keilmuannya memaksudkan sedemikian.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

‘Abd al-‘Azim al-Zarqani, 2015M, *Manahil al-‘Irfan*, al-Qahirah: Dar al-Kitab al-‘Arabi.

‘Abd al-Fattah ‘Abd al-Ghani al-Qadi, 1985M, *Tarikh al-Qurra’ al-‘Asharah*, al-Qahirah: Maktabah al-Babiyy al-Halabiyy.

‘Abd al-Fattah ‘Abd al-Ghani al-Qadi, 1425H, *al-Budur al-Zahirah*, al-Qahirah: Dar al-Salam.

‘Abd al-Salam al-Jar Allah, 1429H, *Fada’il al-Quran*, al-Riyad: Dar al-Tadamuriyyah.

Abu Hayyan al-Andalusi, 1411H, *al-Bahr al-Muhit*, Bayrut: j. Dar ‘Ihya’ al-Turath.

Abu Ja’far al-Nahhas, 1405H, *I’rab al-Quran*, Bayrut; Dar ‘Alam al-Kutub.

Abu Shamah al-Maqdisi, 1413H, *Ibraz al-Ma’ani min Hirz al-Amani*, al-Qahirah: Matba’ah al-Babiyy al-Halabiyy.

Ahmad al-Bili, 1408H, *al-Ikhtilaf bayn al-Qira’at*, Bayrut: Dar al-Jayl.Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ali Yusuf, t.t, *al-Nashr fi al-Qira’at al-‘Ashr*, Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Farra’, Abu Zakaria Yahya bin Ziyad, t.t, *Ma’ani al-Quran*, Bayrut: Dar al-Surur.

Al-Qurtubi, Abu Abdillah, Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar Ibn Farrah al-Ansari, 1417H, *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*, Damshiq; Dar Ibn Kathir.

Al-Sayuti, Abdul-Rahman bin Kamal al-Din Abi Bakr bin Muhammad bin Sabilq al-Din, Jalaluddin al-Misri, 1398H, *al-Itqan fi ‘Ulum al-Quran*, al-Qahirah: Matba’ah al-Babiyy al-Halabiyy.

Al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad bin Jarir, 1421H, *Jami’ al-Bayan*, Bayrut: Dar ‘Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Al-Tha’labi, Abu Ishak Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim, 1422H, *al-Kashf wa al-Bayan*, Bayrut: Dar ‘Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

- Al-Turmidhi, Muhammad Bin 'Isa Bin Sawrah Bin Musa al-Sulami, t.t, *Sunan al-Tirmidhi*, Turki: Nashr al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Al-Zarkashi, Muhammad bin Abd Allah bin Bahadir bin Abu Abd Allah Badr al-Din, 1415M, *al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*, Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Dr. Mahmud 'Ubaydat, 1411H, *Dirasat fi 'Ulum al-Quran*, al-Urdun: Dar 'Ammar.
- Fakhruddin al-Razi, 1420H, *al-Tafsir al-Kabir*, Bayrut: Dar 'Ihya' al-Turath.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali, 1421H, *Fath al-Bari*, Bayrut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibn Khalawayh, Abu `Abd Allah al-Husayn bin Ahmad, 1413H, *Al-Kashf 'an Wujuh al-Qira'at al-Sab'*, al-Qahirah: Maktabah al-Khanji.
- Ibn Rushd, Abu al-Walid al-Qurtubi, 1408H, *al-Bayan wa al-Tahsil*, Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Shams al-Din Muhammad bin Muflih, 1413H, *Kitab al-Furu'*, Bayrut: Muassasah al-Risalah.